

JHEP anjur Mini Karnival Kerjaya 2018

48 26.6.2018 B3

KOTAKINABALU: Jabatan Hal Ehwal Pelajar (JHEP) dengan kerjasama Pusat Alumni dan Pusat Jaringan Industri dan Komuniti, UMS mengadakan Mini Karnival Kerjaya 2018 pada 19 Mei lalu bertempat di Dewan Kuliah Pusat ke-2, UMS.

Program ini diadakan selama sehari yang berfokuskan kepada pelajar yang berminat dan disasarkan kepada peserta tentang peluang-peluang kerjaya yang boleh mereka ambil selepas menamatkan pengajian.

Selain itu, ia juga memudahkan pihak majikan mengiklankan kekosongan jawatan mereka kepada calon sasaran sekaligus mewujudkan hubungan secara terus antara majikan dan pelajar.

Turut diadakan sesi



ANTARA yang mengambil bahagian dalam karnival itu.



ANTARA peserta Mini Karnival Kerjaya 2018.

ceramah tentang peluang-peluang kerjaya dan pengenalan tentang syarikat oleh beberapa agensi yang terlibat menjayakan Mini Karnival Kerjaya ini.

Program ini turut

melibatkan beberapa agensi luar. Antara agensi yang menjayakan program ini ialah dari STG Group, Great Eastern Insurance, MasWings, Cuckoo Sabah, Mary Kay, CIMB, Zurich

Insurance, Isy Synergy Group dan beberapa agensi lain. Program ini turut dihadiri oleh Ketua Jabatan HEP Ahmad Nurdin, pegawai-pegawai dan staf HEPA serta pelajar UMS.